

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN  
[KALABAKAN]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perancangan pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang bakal dibina dan disediakan dalam masa terdekat terutamanya pembukaan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sempadan Malaysia/Indonesia di Serudong, Kalabakan dalamantisipasi pemindahan ibukota dan pusat pentadbiran negara Republik Indonesia ke Kalimantan Timur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawalan dan keselamatan di sempadan sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan demi melindungi keselamatan dan kepentingan ekonomi negara. Kerjasama antara agensi melalui operasi dan rondaan bersama oleh agensi penguatkuasaan dan keselamatan telah membantu meningkatkan kawalan di pintu masuk dan keluar negara.

Pada masa ini, cadangan untuk mewujudkan Kompleks ICQS di Serudong, Kalabakan masih belum diperhalusi di peringkat Kerajaan kerana perancangan bagi pemindahan ibu kota dan pusat pentadbiran

## **NO. SOALAN : 15**

negara Republik Indonesia ke Kalimantan Timur masih belum dilaksanakan.

Keperluan sebenar untuk mewujudkan kompleks ICQS ini hanya akan dapat dinilai setelah pusat pentadbiran baharu Indonesia direalisasikan. Sehubungan itu, tiada sebarang keperluan yang mendesak pada masa ini untuk pintu masuk baharu tersebut dibuka. Sekiranya terdapat keperluan pewujudan ICQS tersebut, permohonan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri bagi penyediaan peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Sekian, terima kasih.